



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

AMANAT HALA TUJU PERPUSTAKAAN UiTM 2024

Bersama

Ts. Haji Azizi Bin Haji Jantan

Ketua Timbalan Pustakawan
Menjalankan Tugas Ketua Pustakawan

Tarikh & Masa :

26 Februari 2024

(16 Syaaban 1445H)

Isnin (9.00 pagi hingga 10.30 pagi)



LIVE

@perpustakaanuitm

You Tube

LIVE

@perpustakaanuitm

قُبُودَايَا نِ عِلْمِو مِمْبَنْتُوقِ اَدِيوَاغْسَا

Pembudayaan Ilmu Membentuk Adiwangsa

UiTM *di hatiku*

اوسها . تقوى . مليا

TEKS UCAPAN MAJLIS AMANAT HALA TUJU PERPUSTAKAAN UiTM 2024

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI, dan
Salam UiTM Di Hatiku.

Terima kasih kepada saudara Pengacara Majlis.

Yang dihormati

- Ketua-Ketua Jabatan
- Ketua- Ketua Bahagian
- Ketua-Ketua Perpustakaan UiTM Cawangan

Para Pustakawan, seterusnya tuan-tuan dan puan-puan seluruh Staf Perpustakaan UiTM yang dikasihi sekalian.

1. Alhamdulillah, pertamanya saya ingin melafazkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T, kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya, dapat kita bersama-sama di dalam **Majlis Amanat Hala Tuju Perpustakaan UiTM 2024**.

1. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan **setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih** kepada semua warga Perpustakaan UiTM yang hadir pada pagi ini menerusi Siaran Langsung di Youtube dan Facebook Rasmi Perpustakaan UiTM.
2. Sama-sama kita doakan agar perjumpaan ini menjadi asbab kita dapat **meningkatkan ilmu dan pengetahuan** seterusnya dapat menyumbang bakti kepada universiti yang penuh keramat ini.
3. Saya meyakini dan sangat berharap agar pertemuan ini dapat memberi peluang kita bersama-sama mengimbuai segala usaha dan kejayaan yang kita kecapai sepanjang tahun 2023, dan seterusnya memahami hala tuju pengurusan perpustakaan dan peranan semua warga kerja perpustakaan bagi melaksanakan inisiatif tahun 2024.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi sekalian,

4. Perlu kita ibaratkan pencapaian pada tahun 2023 sebagai sebuah perjalanan yang panjang, tentunya banyak cabaran yang telah ditempuh, banyak liku yang telah kita lalui, selain

TEKS UCAPAN MAJLIS AMANAT HALA TUJU PERPUSTAKAAN UiTM 2024

sebahagiannya laluan kita rentas dengan sangat tenang.

5. Dalam ketenangan itu, kita harus sentiasa bertanya, apakah kita sedang menuju destinasi yang tepat? Kita juga harus menjangka, bahawa tidak semestinya ketenangan dan kesenangan itu akan berpanjangan dalam mengemudi gedung ilmu ini. Maka, sewajarnya kita bersiap siaga dalam mendepani cabaran, halangan dan peluang, yang bakal ditempuhi pada tahun ini.
6. Saya menyeru kepada tuan-tuan dan puan-puan walau di mana sahaja berada, untuk mengambil segala input yang disampaikan pada pagi ini untuk kita menyusun langkah bagi menjejak puncak kejayaan.
7. Masa bergerak terlalu pantas dan kini, kita telah pun melepasi 51 hari bagi tahun 2024. Alhamdulillah di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan **Selamat Tahun Baru 2024** kepada seluruh warga Perpustakaan UiTM. Semoga tahun ini akan menjadi tahun yang lebih baik dari tahun-tahun sebelumnya.
8. Sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada seluruh warga kerja

perpustakaan di atas komitmen, keazaman dan kerja berpasukan yang telah ditunjukkan dalam melaksanakan tugas yang telah diamanahkan sepanjang tahun 2023. Tanpa kerjasama yang erat dari semua pihak, mana mungkin kita dapat mencapai kejayaan yang diharapkan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

9. Sesungguhnya janji Allah itu benar, Pada tahun 2023, kita amat berdukacita atas kehilangan rakan-rakan yang telah meninggalkan kita menghadap penciptaNya. Ucapan takziah kepada ahli keluarga dan semoga roh mereka ditempatkan bersama-sama dengan orang yang beriman. Justeru marilah, kita sedekahkan Al-Fatihah kepada mereka semua.

Tuan-tuan dan puan-puan

10. Tidak lupa juga kita kepada mereka yang pernah berjasa dan berkhidmat bersama-sama dalam perahu Perpustakaan UiTM. Saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada staf perpustakaan UiTM yang telah **bersara dan menamatkan perkhidmatan** pada tahun 2023. Sesungguhnya jasa bakti sepanjang perkhidmatan mereka amatlah berharga dan

hanya Allah sahaja yang dapat membalas jasa tersebut.

11. Bak kata pepatah, patah tumbuh hilang berganti saya ingin mengucapkan selamat datang dan selamat bertugas kepada semua **staf baharu** yang telah melapor diri dan menjadi ahli keluarga Perpustakaan UiTM. Semoga tuan-tuan dan puan-puan dapat menggalas tanggungjawab dengan ikhlas, amanah dan berintegriti.

12. **Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh** telah mengungkap seribu satu kenangan dan lakaran sepanjang tahun 2023. Kita telah berjaya meraih pelbagai kemenangan, pencapaian dan pengiktirafan yang sangat membanggakan di peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa. Untuk itu, Saya ingin mengucapkan Syabas dan tahniah kepada seluruh warga kerja Perpustakaan UiTM.

Pepatah Arab ada mengatakan: '**Man jadda wajada**' yang bermaksud '**Sesiapa yang berusaha, akan mendapat apa yang diusahakannya**'.

13. Justeru, saya menyeru agar kita semua mempunyai **ljtihad** iaitu sifat bersungguh-sungguh

dalam melaksanakan tugas dan sentiasa bersedia dalam menghadapi segala cabaran. Kesemua ini memerlukan peningkatan dan perubahan cara bekerja supaya Perpustakaan UiTM dapat menggerakkan peranannya sebagai Nadi Ilmu kepada Universiti.

14. Memetik kata-kata Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim, '**Dalam keghairahan kita menggapai ke langit, jangan kita ketinggalan dasar kerana kita sebagai negara dengan budaya dan fahaman agama yang rencam, harus juga mengakar ke bumi**'.

15. Sehubungan itu, falsafah ini telah mengingatkan kita terhadap asal usul dan tujuan penubuhan UiTM dan ini selari dengan tema UiTM '**Globally Renowned, Locally Rooted**'.

16. Seiring dengan Amanat Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi dan Amanat Naib Canselor UiTM, amat perlu kita meneliti perubahan dan keperluan terkini yang telah disampaikan seperti yang dilandaskan.

17. Dengan itu, Perpustakaan UiTM telah meletakkan **6 Matlamat dan 21 Inisiatif Utama** berdasarkan

TEKS UCAPAN MAJLIS AMANAT HALA TUJU PERPUSTAKAAN UiTM 2024

pemetaan kepada fokus utama Kementerian Pendidikan Tinggi dan Teras Strategik UiTM.

18. Berdasarkan Hasil Kajian Kepuasan Bekerja Staf Perpustakaan UiTM 2023 menunjukkan staf menzahirkan nilai diri mereka kepada UiTM yang mempunyai ciri-ciri **ESI dan i-DART sebanyak 96%**. Alhamdulillah, saya bersyukur kerana Nilai UiTM dapat dihayati dan diamalkan dengan baik dalam kalangan staf. Untuk itu, saya ingin mengajak semua staf untuk lebih meningkatkan penghayatan termasuk **Nilai MADANI** dalam diri setiap warga perpustakaan.

19. **Tema strategik UiTM 2024** adalah **Pengiktirafan Global**. Kita mensasarkan agar staf perpustakaan mendapat penghormatan atau pengiktirafan di peringkat dunia melalui perkongsian ilmu kepakaran, kolaborasi strategik, dan pembudayaan ilmu secara inklusif serta boleh diterima oleh komuniti sejagat.

20. **Enam Tonggak** yang akan menjayakan tema strategik 2024 adalah menjadikan Warga akademik, Staf bukan akademik, Staf pelaksana, dan Pelajar yang diiktiraf dunia; memastikan Universiti terlibat secara aktif bersama industri,

komuniti dan pihak berkuasa/ agensi kerajaan; serta kebersamaan Alumni terlibat bergerak aktif bersama universiti.

Untuk makluman semua warga perpustakaan

21. Tagline Perpustakaan UiTM telahpun diberi nafas Baharu dengan penggunaan nama "**Pembudayaan Ilmu, Membentuk Adiwangsa**"

22. **Pembudayaan ilmu** membawa erti bahawa pengamalan dalam penyantunan ilmu dapat memberi makna dan hikmah kepada diri seseorang.

23. Manakala, **Membentuk Adiwangsa** bermakna melahirkan insan yang mempunyai nilai mulia, berilmu, beradab dan berintegriti yang bermanfaat sesama manusia, alam, serta makhluknya.

24. Berasaskan peri pentingnya pembudayaan ilmu yang dapat melahirkan adiwangsa, Perpustakaan UiTM memberikan penekanan dan reallignment kepada Perancangan Strategik 2024 yang dapat menggerakkan pembudayaan ilmu secara menyeluruh melibatkan staf, warga universiti dan masyarakat.

25. Sehubungan itu, pada tahun 2024 kita akan menumpukan kepada **6 Matlamat dan 21 Inisiatif Utama serta 7 KPI dan 13 PI**.
26. **Matlamat Pertama** adalah **Kecemerlangan Bakat Dan Keberhasilan Ilmu**. Kita telah menyediakan Pelan Pembangunan bakat Perpustakaan UiTM pada tahun 2023 yang memfokuskan kepada **10 Subject Matter Expert**. Agenda Pembangunan Bakat ini memainkan peranan penting dalam meningkatkan tahap professional pustakawan dan staf pelaksana dalam menjadi feeder kualiti pengajaran dan pembelajaran, serta penyelidikan.
27. Bagi mencapai **Inisiatif Pemerksaan UiTM Library Talent Pool**. Kita perlu memperkasakan kumpulan bakat ini dalam memberikan sumbangan yang signifikan kepada warga UiTM dan komuniti luar. Usaha-usaha untuk merencanakan aktiviti pemindahan ilmu kepakaran khususnya pengiktirafan melalui jemputan sebagai tenaga pengajar di peringkat luar UiTM perlulah dipertingkatkan.
28. Seterusnya, **Inisiatif Projek Kecemerlangan Staf Pentadbiran** dalam melahirkan *Subject Matter Experts (SME)*, di mana melalui Projek Khas Naib Canselor, Perpustakaan UiTM akan dilibatkan di dalam pembangunan modul *Massive Open Online Courses (MOOCs)* bagi subjek *Knowledge Management* dan *Society 5.0*. Kursus ini akan mensasarkan penawaran kepada pengguna peringkat tempatan dan antarabangsa.
29. Begitu juga dengan **Inisiatif New Learning and Training Space** juga melalui platform MOOCs Perpustakaan UiTM. Kita hendaklah memperkenalkan idea-idea baharu dengan kemahiran teknologi terkini bagi mewujudkan inovasi dalam pembelajaran.
30. Inisiatif ini akan digerakkan dengan **meningkatkan bilangan kepakaran bagi setiap bidang perkhidmatan Perpustakaan** dan peranan Jabatan Perkhidmatan Perpustakaan adalah untuk merancang pembangunan modul dan kandungan pengajaran dan pembelajaran yang baharu. Saya yakin inisiatif ini Perpustakaan akan dapat membantu para warga Universiti mengakses ilmu baharu menggunakan teknologi AI dalam Pengajaran dan Pembelajaran.

31. **Inisiatif Kualiti dan Kecemerlangan Akademik Staf Perpustakaan**, Pengurusan Perpustakaan sentiasa menggalakkan staf Perpustakaan menimba ilmu dan menambah kepakaran sepanjang hayat. Saya menggalakkan semua staf untuk menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi. Pentingnya manusia mencari ilmu pengetahuan, menurut Buya Hamka, bukan hanya untuk membantu manusia memperoleh penghidupan yang layak, melainkan lebih dari itu, dengan ilmu manusia akan mampu mengenal Tuhannya, memperhalus akhlaknya, dan senantiasa berupaya mencari keridhaan Allah.

Tuan-tuan dan puan-puan,

32. **Matlamat kedua, Kemenjadian Pelajar dan Mahasiswa Bitara**, selaras dengan matlamat pendidikan tinggi, bagi melahirkan pelajar dan mahasiswa berkualiti, Inisiatif **Teaching Library** akan diperkenalkan.

33. Inisiatif ini akan menjadikan perpustakaan sebagai lapangan kepada pelajar untuk mendapatkan pengalaman pembelajaran dalam profesion sebenar. Perpustakaan akan menyediakan peluang bagi pelajar mempraktik ilmu, kemahiran

dan teori dalam adunan pembelajaran sepanjang pengajian.

34. Ini merupakan usaha Perpustakaan UiTM melahirkan **Future Librarian** dan graduan yang bersifat peka dan bersedia dengan kehendak industri seterusnya dapat menyumbang kebolehpasaran graduan UiTM.

35. Buat permulaan, penawaran program yang disasarkan adalah pelajar Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Perpustakaan (CDIM260) dan Diploma Pengurusan Maklumat (CDIM110). Justeru, kita perlu bersedia menerima pelajar-pelajar di 'rumah kita ini' sebagai tempat pendidikan dan penyebaran ilmu kepustakawanan serta latihan kepakaran kepada pelajar.

36. Inisiatif seterusnya adalah **Sukarelawan Perpustakaan**. Perpustakaan menyambut baik hasrat Yang Berbahagia Naib Canselor UiTM melalui Amanat Naib Canselor 2024 bagi membentuk **Bridged Sukarelawan Perpustakaan** yang terdiri daripada mahasiswa UiTM. Terima kasih juga kepada YBhg. Prof Dr. Hj. Sazili Shahibi, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UiTM yang komited menjayakan bersama inisiatif ini.

37. Jabatan Perkhidmatan Perpustakaan akan bekerjasama dengan **Pusat Kokurikulum UiTM** bagi menggerakkan pasukan Sukarelawan Perpustakaan. **Tiga komponen aktiviti** yang akan difokuskan adalah menjalankan aktiviti pembelajaran berasaskan pengalaman sebenar, khidmat komuniti dan penglibatan bersama mahasiswa dalam menjayakan program perpustakaan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

38. Seterusnya **Matlamat Ketiga** iaitu **Pemindahan dan Perkongsian Ilmu Komuniti**. Ia bertujuan untuk memastikan pembudayaan ilmu dilaksanakan secara menyeluruh kepada warga universiti dan komuniti.

39. Sebagai sebuah **Taman Ilmu**, perpustakaan perlu melazimi **budaya ilmu** dengan meraikan warga dan komuniti melalui keterbukaan penyampaian perkhidmatan dan sumber rujukan yang disediakan. Sehubungan itu, **Inisiatif Perkhidmatan Perpustakaan dibuka Kepada Komuniti** akan dipertingkatkan. Saya berharap kita dapat terus merencanakan lagi ekosistem

pembudayaan ilmu dan penyediaan ruang pembelajaran yang kondusif kepada warga dan komuniti.

40. Seterusnya, sukacita saya ingin memaklumkan bahawa Perpustakaan UiTM akan menerajui dan menyelaras laporan Program Read@Uni bagi 20 Universiti Awam seperti yang dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Ketua Pustakawan Universiti Awam Bil. 1/2024.

41. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada warga kerja perpustakaan yang sentiasa berusaha memastikan pelaksanaan **Program Read@UiTM secara berterusan** sejak tahun 2018.

42. Oleh itu, saya meletakkan keutamaan **Program Read@UiTM terus disemarakkan** sebagai **terjemahan pemindahan dan perkongsian ilmu** melalui **tujuh strategi** yang digariskan di dalam **Garis Panduan Penggiatan Budaya Membaca Perpustakaan UiTM**.

43. Saya meletakkan harapan yang tinggi agar Program Read@UiTM dapat menjadi pemangkin untuk melahirkan warga UiTM dan komuniti yang mengamalkan budaya membaca dan mencintai

ilmu. Maka atas keyakinan ini, kita telah **menetapkan sasaran sebanyak 35,000 penyertaan Program Read@UiTM** pada tahun ini.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dirahmati Allah

44. Keberkesanan matlamat ini, semestinya perlu bermula daripada staf perpustakaan. Justeru, saya memberikan sokongan sepenuhnya dan sewajarnya semua staf menghayati dan menyantuni sumber rujukan yang ada di dalam rumah ilmu ini. Semua staf perlu memberikan sokongan untuk menjadi seorang **Staf Berilmu Menerusi Iklim Pembacaan dan Penghayatan Ilmu**.

45. Bersesuaian dengan penempatan kita di taman ilmu, tidak terpisah dan terisolasi dari sumber ilmu, maka staf perpustakaan **disarankan untuk membaca 15 buah buku setahun** melalui pinjaman buku bercetak di dalam koleksi Perpustakaan UiTM.

46. Bertitik tolak dari inisiatif ini, **Book Review Session** adalah digalakkan bagi mewujudkan satu perkongsian ilmu dalam kalangan staf dan pastinya kita mahu membentuk warga

Perpustakaan berpengetahuan, berilmu dan bermaklumat.

47. Seterusnya **inisiatif Memperkasa Literasi Maklumat Warga Universiti dan Komuniti Sekolah**, melalui budaya pembelajaran, budaya pemindahan ilmu dan budaya keserjanaan kepada warga universiti dan komuniti.

48. Justeru pada tahun ini, kita perlu mempergiatkan Pengajaran, Pembelajaran, dan Penyelidikan (3P) menggunakan modul-modul yang telah dibangunkan. Kita **menasaskan sebanyak 104,000 jumlah penyertaan Kelas Literasi Maklumat, Orientasi Pelajar Baharu, Collaborative Teaching dan PhD Clinic**.

49. Dalam pembudayaan ilmu, Program Literasi Maklumat mendapat permintaan tinggi kerana professional kepustakawanan yang mempunyai Kemahiran khusus di dalam strategi pencarian maklumat dan membimbing warga universiti tentang penggunaan sumber rujukan yang berkualiti.

50. Sehubungan itu, pada tahun ini juga, **PhD Clinic** yang telah mula diperkenalkan sebagai **Projek Wakaf Ilmu Universiti** pada tahun 2017, akan

diperhebatkan promosi perkhidmatan ini melalui aktiviti konsultasi penyelidikan dan program bimbingan kepada warga UiTM yang menyambung pengajian.

51. Selain daripada itu, kita turut menyantuni Komuniti sekolah mengikut negeri dengan **mensasarkan 1,000 penyertaan** melalui Program Literasi Maklumat. Saya percaya Inisiatif ini mampu menghasilkan pelajar di peringkat sekolah rendah dan menengah untuk mempunyai pengetahuan asas dalam pencarian maklumat dan kemahiran bacaan pantas sebagai persediaan awal sebelum ke Menara Gading.

Tuan-tuan dan puan-puan

52. Inisiatif seterusnya adalah **Kolaborasi Industri dan Agensi**, bertujuan **memperhebat penglibatan perpustakaan secara aktif** bersama industri, komuniti dan pihak berkuasa atau agensi Kerajaan untuk terlibat bersama UiTM.
53. Justeru kita perlu merencanakan lagi Program Kerjasama Komuniti dan lain-lain kolaborasi anjuran bersama agensi luar serta industri dengan **mensasarkan sebanyak 145,000 penyertaan**.

54. Akhir sekali adalah melalui inisiatif **Penglibatan Alumni**. Peluang dan jaringan bersama mereka perlu dikukuhkan dan dimanfaatkan bagi membuka peluang perkongsian ilmu serta pengalaman dan peluang pekerjaan selain daripada menyumbang kepada penambahbaikan pengurusan perpustakaan dan universiti.

55. Maka, pada tahun ini kita mensasarkan sebanyak **2,800 penyertaan alumni** melalui aktiviti-aktiviti promosi untuk meningkatkan jumlah keahlian luar perpustakaan, kolaborasi dan juga menyantuni alumni melalui lawatan dan kunjungan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

56. **Matlamat Keempat: Pembangunan Sumber Rujukan Universiti Berkualiti** perlu dimantapkan bagi lonjakan Pendidikan berkualiti universiti. Untuk itu, **inisiatif memperkukuh pemilikan 100% bahan silibus** adalah menjadi satu usaha penting kerana bahan silibus adalah bahan-bahan yang tersenarai sebagai bahan bacaan yang **diwajibkan untuk pembelian** bagi memenuhi pematuhan akreditasi setiap program yang ditawarkan di UiTM.

57. Saya berharap semua Perpustakaan UiTM melaksanakan proses perolehan bahan silibus berpandukan kepada **Polisi Pembangunan Sumber Rujukan Universiti** yang telah menetapkan:-

- Perpustakaan perlu menyediakan **(2) naskhah** atau sekurang-kurangnya (1) naskhah bagi setiap kursus dalam sesuatu program pengajian; dan
- Buku Silibus diletakkan di **Rak Terbuka** kecuali bagi buku silibus berharga RM 1,000.00 dan ke atas.

Tuan-tuan dan puan-puan

58. Sekali lagi saya ingin menekankan bahawa pembangunan bahan silibus adalah tanggungjawab bersama antara Pusat Tanggungjawab dan perpustakaan.

59. Untuk itu, **Sesi Libat Urus Bersama Ketua Program Pengajian** perlu dilaksanakan bagi memaklumkan status pemilikan bahan silibus mereka dan mendapatkan maklum balas penambahbaikan yang lebih tepat dan tuntas.

60. Seterusnya, hasil Sesi **Kunjungan Hormat PTAR ke atas YBhg. Naib Canselor UiTM** pada 9 November 2023, **Inisiatif Pembangunan koleksi Jawi** telah dibincangkan bagi menyahut aspirasi YBhg. Naib Canselor untuk menyemarakkan tradisi budaya bangsa, **dan penguasaan jawi dalam kalangan warga universiti.**

Objektif Pembangunan Koleksi Jawi adalah:

- Mengekalkan **identiti bangsa Melayu** melalui koleksi tulisan Jawi dalam kalangan warga universiti khususnya dan masyarakat Malaysia amnya.
- Menyediakan keperluan **rujukan dan penyelidikan** untuk pengguna sama ada dalam atau luar negara.
- Memastikan **penyimpanan koleksi jawi terpelihara** agar ia tidak pupus pada generasi akan datang.
- Menyemai **semangat cinta Jawi** di kalangan masyarakat Malaysia.

61. Justeru saya berharap semua perpustakaan UiTM dapat melaksanakan usaha menjejaki bahan-bahan dalam tulisan jawi daripada individu terutamanya aktivitis dan guru-guru agama yang

bersetuju untuk menyumbang bahan mereka kepada Perpustakaan UiTM. Bahan yang telah diperolehi perlu dibuat proses pendigitalan untuk dimasukkan di dalam Portal Jawi@UiTM.

62. Seterusnya, bagi melengkapi dan memenuhi keperluan maklumat yang menyokong kepada pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan universiti, Inisiatif ***Newspaper@UiTM*** berperanan sebagai *repositori* bagi pengumpulan artikel mengenai UiTM merangkumi berita semasa, rencana, program atau penulisan warga UiTM.

63. Harapan saya agar inisiatif ini akan menjadi nilai tambah kepada pembangunan sumber rujukan universiti yang mampu memenuhi dan mencakupi keperluan rujukan fakulti serta Pusat Tanggungjawab di UiTM.

64. Selain daripada itu, kita sedia maklum bahawa Perpustakaan diberi tanggungjawab menguruskan perolehan langganan **alat Turnitin** dan pengurusan akaun bermula pada Februari 2024 sehingga Januari 2025. Tanggungjawab ini merupakan komitmen dan peranan kita dalam memastikan pematuhan, kawalan dan pemantauan kepada **Dasar Plagiarism UiTM**.

65. Atas kepentingan peranan ini, **14 orang moderator** terdiri daripada Pustakawan Perpustakaan UiTM telah dilantik bagi menguruskan akaun pengguna di setiap cawangan bagi:

- Mengagihkan akaun kepada pensyarah (tetap & kontrak) yang aktif.
- Mengemaskini senarai pensyarah yang tidak aktif, dan
- Menerima permohonan pengeluaran penulisan dari repositori.

66. Semua staf Perpustakaan bukan sahaja moderator yang dilantik perlu bersedia dengan pengetahuan berkaitan penggunaan alat Turnitin berdasarkan kepada ***Understanding Plagiarism a Guide for Lecturers***.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

67. Matlamat kelima adalah **Pemeriksaan Transformasi Digital Perpustakaan**. Kita perlu meningkatkan kebolehan dan ketangkasan kita secara optima seiring dengan perubahan dan ledakan kecerdasan buatan atau Artificial

Intelligence. Oleh yang demikian, inisiatif **Pelan Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence*) Perpustakaan UiTM** telah dirangka.

68. Semua staf perlu mempunyai pengetahuan asas berkaitan komponen AI dan bagaimana ia diaplikasikan khususnya di dalam operasi dan pengurusan perpustakaan.

69. Perpustakaan perlu melaksanakan pelan tindakan untuk mencapai inisiatif ini dengan:

- Memahami konsep AI dan Aplikasi dalam konteks perpustakaan
- Membangunkan panduan (*Library Guide*) berkaitan pengetahuan AI.
- Melaksana pembangunan sistem *ChatBot*.
- Menaiktaraf fungsi carian bahan perpustakaan.
- Melaksana pameran bahan AI Perpustakaan dan;
- Mengadakan kursus berkaitan penggunaan aplikasi AI.

70. Selain itu, sebagai tanda sokongan Perpustakaan UiTM kepada usaha kerajaan melalui **Program AI Untuk Rakyat** iaitu satu program pembelajaran sendiri dalam talian yang direka untuk

meningkatkan kesedaran orang ramai tentang 'Kecerdasan Buatan', maka saya menyeru semua staf Perpustakaan UiTM bertanggungjawab menyertai program ini dengan mendapatkan **Lencana AI Aware dan AI Appreciate**. Alhamdulillah, staf Perpustakaan UiTM Shah Alam telah berjaya mendapatkan lencana tersebut 100%. Tahniah!

71. Seterusnya inisiatif **Personal Learning Network (PLN)**. Konsep PLN akan dilaksanakan melalui penstrukturan semula dan reka bentuk baharu **My Knowledge Management Portal (MyKM)** bagi menyokong Teras Strategik Pendidikan Berkualiti. Reka bentuk baharu MyKM ini adalah melalui penambahbaikan fungsi dan keupayaan **predictive analytics** berdasarkan keperluan pembelajaran peribadi pengguna.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

72. **Matlamat Keenam** adalah **Pembitaraan Rekod** yang bertujuan untuk memperkasa pengurusan rekod yang baik dan menjadikan Jabatan Arkib Universiti dan Unit Arkib Cawangan antara pusat rujukan rekod universiti yang terbaik.

73. Antara inisiatif yang digerakkan adalah menyediakan **Pelan Tindakan Bencana Rekod (PTBR)**, iaitu satu dokumen bertulis yang perlu dibangunkan oleh setiap Pejabat Awam bagi persediaan menghadapi bencana atau kecemasan.
74. Tahniah kepada Jabatan Arkib Universiti yang telah berjaya melaksanakan dua siri **Bengkel Pelan Tindakan Bencana Rekod UiTM** pada tahun 2023 bagi memberi pengenalan dan pendedahan berkenaan PTBR kepada staf UiTM Shah Alam dan Cawangan.
75. Maka saya berharap, Pelan ini perlu disediakan mengikut sasaran bagi memastikan kelulusan di peringkat strategik universiti dicapai.
76. Berikutnya adalah, inisiatif **penubuhan Jawatankuasa Pengurusan dan Keselamatan Rekod** di peringkat induk dan negeri. Penubuhan jawatankuasa yang diselaraskan oleh Jabatan Arkib Universiti adalah penting untuk memastikan tadbir urus pengurusan rekod yang sistematik dan berkesan.
77. Sasaran mesyuarat Jawatankuasa ini sebanyak dua kali setahun bagi membincangkan hal ehwal pengurusan dan keselamatan rekod berdasarkan skop dan fungsi yang telah ditetapkan akan digalas oleh Jabatan Arkib Universiti.
78. Bagi mencapai matlamat pembitaraan rekod seterusnya, sasaran pelaksanaan **Sesi Libat Urus Pengurusan Rekod Bersama Pusat Tanggungjawab** telah ditetapkan. Kita perlu mengambil kira pandangan semua pihak berkepentingan melalui sesi libat urus yang lebih menyeluruh dengan pendekatan secara bersemuka, turun padang dan *personalised* kepada setiap PTJ.
79. Pada tahun ini kita **mensasarkan sebanyak 164 PTJ bagi sesi libat urus** dengan mengambil kira **lima komponen** iaitu klasifikasi fail, lawatan audit, pelantikan pengurus rekod, perkhidmatan arkib dan pelupusan rekod.
- Tuan-tuan dan puan-puan yang dirahmati Allah
80. **Imam Hasan Al Bashri** telah menyebut bahawa **“Jika seorang mencari ilmu, maka itu akan tampak di wajah, tangan, dan lidahnya serta dalam kerendahan hatinya kepada Allah”**. Ia memberi makna bahawa rasa tidak berilmu ialah sifat utama orang berilmu. Semakin kita belajar,

terasa semakin banyak perkara yang tidak kita ketahui. Dan inilah sifat sejati orang berilmu yang membentuk rasa kerendahan hatinya kepada Allah yang Maha Esa.

81. Oleh itu, **Enam Amalan Baik** telah digariskan untuk dijadikan sebagai amalan dan budaya warga perpustakaan agar dapat melahirkan insan yang cemerlang dunia dan akhirat.

Pertama, Emosi Positif dan Sifat Syukur. Syukur adalah salah satu daripada amalan sifat mulia dalam Islam yang amat digalakkan. Sifat bersyukur ini membentuk emosi positif dan kesejahteraan diri.

“Syukur dan sabar seperti sayap, jika patah salah satunya, maka jatuhlah kita.” – Buya Hamka

Kedua, Berilmu dan Beramal. “Ilmu tanpa amal umpama pohon tak berbuah.” Maksudnya, sehebat mana atau setinggi mana ilmu seseorang itu, tetapi kalau tidak diamalkan atau dikongsikan samalah seperti pohon yang tidak berbuah yang tidak dapat memberikan manfaat kepada sesiapa pun.

Ketiga, Keupayaan Menimbang Keutamaan. Semua staf perlu mempunyai kebolehan dan berupaya untuk menilai sesuatu proses kerja atau tugas yang perlu diberikan keutamaan serta mengenalpasti punca halangan sama ada ia melibatkan sumber manusia, proses atau teknologi.

Keempat, Budaya “Performance Excellence”. Bersikap daya saing, kreatif dan inovasi untuk mencipta perubahan dan penambahbaikan yang memberi impak positif kepada perpustakaan dan universiti dalam aspek penjimatan sumber, kos dan masa.

Kelima, Perhubungan dan Kebersamaan. Meraikan kebersamaan dan memupuk perhubungan yang harmoni bagi kesejahteraan ekosistem bekerja yang positif.

Keenam, Amalan 3S: Senyum, Sapa, Salam Mengamalkan 3S dalam kalangan warga perpustakaan dan pelanggan.

Amalan 3S perlu dipamerkan di kaunter-kaunter perkhidmatan dan ruang pejabat agar sentiasa dapat memperingatkan kita untuk mengamalkannya.

Warga Perpustakaan UiTM yang dikasihi,

66. Saya menyeru semua Perpustakaan UiTM untuk menerbitkan **Laporan Tahunan dan ePocket Statistik** Perpustakaan bagi menzahirkan segala usaha dan inisiatif yang telah dilaksanakan secara **konsisten dan istiqamah**. Penerbitan ini merupakan penerbitan rasmi Perpustakaan UiTM yang berdaftar di bawah Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331), Perpustakaan Negara Malaysia.

67. Sebelum saya mengakhiri Amanat Hala Tuju Perpustakaan UiTM 2024, saya bawakan kata-kata imam al shafie **Ilmu itu seperti air, jika ia tidak bergerak, maka ia akan menjadi keruh lalu membusuk.**

Serta,,

68. Marilah sama-sama kita menghayati **Peristiwa Penurunan Wahyu Pertama** yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW, di Gua Hira' melalui Malaikat Jibril AS pada 17 Ramadhan.

69. Wahyu yang pertama ialah **'Iqra'** iaitu **bacalah** yang memberikan pengajaran kepada kita semua supaya tekun menuntut ilmu dan menjadikan aktiviti membaca sebagai amalan mulia.

Sekian,

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh